

A KHAMIS, 23 JULAI 2020 BH

**Nasional**

# Orang Asli baiki jalan, empat jambatan rosak

Sanggup bermalam di hutan, elak terus terputus hubungan

Oleh Ramli Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Gua Musang.** Sekumpulan 20 Orang Asli dari Pos Balar, di sini sanggup bermalam di hutan untuk mengumpulkan lebih 300 batang kayu dalam usaha membina semula empat jambatan yang runtuh.

Pembinaan semula jambatan berkenaan bagi membolehkan mereka menghantar anak ke Sekolah Kebangsaan (SK) Balar yang baharu dibuka semalam untuk murid Tahun Satu hingga Empat.

Tok Batin Pos Balar, Alek Busu, berkata penduduk terpaksa berbuat demikian bagi membolehkan motosikal melalui jambatan berkenaan, sekali gus mengatasi masalah mereka yang sudah terputus hubungan sejak enam hari lalu.



Sekumpulan Orang Asli membina semula satu daripada empat jambatan yang runtuh di laluan ke Pos Balar, Gua Musang.

Katanya, selain membina enam jambatan kecil, penduduk juga bergotong-royong membaiki jalan berselut sejauh 25 kilometer supaya lebih mudah dilalui kenderaan.

"Kami bersama lebih 40 penduduk kampung sekitar mula bergotong-royong membina jambatan sementara dan membaiki jalan rosak itu sejak Ahad lalu," katanya ditemui di sini, semalam.

Empat jambatan kecil runtuh dan jalan sepanjang 25 kilometer menghubungkan pos itu rosak teruk akibat banjir lumpur susulan hujan lebat yang melanda Jumaat lalu.